

KUALA LUMPUR, 19 SEPT. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA DI SINI HARI INI AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN (ICA) AKAN DIPERKEMASKAN LAGI SUPAYA MENJADI LEBIH MUDAH.

BAGAIMANAPUN, TIDAK ADA PERUBAHAN BESAR AKAN DIBUAT MELAINKAN SEDIKIT-SEDIKIT PENYESUAIAN UNTUK MENJADIKAN PERATURAN-PERATURAN DIDALAMNYA DALAM KEMAMPUAN PENGURUSAN KERAJAAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA, SETENGAH DARIPADA PERATURAN DIBAWAH AKTA ITU TERLALU SULIT BUKAN SAJA KEPADA PARA PELABUR TETAPI JUGA KEPADA KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENGAKUI TERDAPATNYA SUNGUTAN-SUNGUTAN DARI SEKTOR SWASTA TERHADAP AKTA ITU.

KATANYA, AKTA ITU SEDANG DIKAJI SEMULA DAN INI MEMBUKTIKAN BAHAWA +KITA BERSEEDIA MENDENGAN SUNGUTAN MEREKA ITU.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MELANCARKAN AGENSI YANG MELIPUTI SEGALANYA BERTUJUAN MEMPERKEMASKAN KERJA MELULUSKAN USAHA-USAHA PERINDUSTRIAN. — BERSAMBUNG 2015/1B

££

B650:

ICA 2 KUALA LUMPUR 2015

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAFIKAN BAHAWA ICA MERUPAKAN SATU HALANGAN KEPADA PELABURAN SAMA ADA DARI LUAR ATAU DALAM NEGERI SEBAGAIMANA YANG TERBUKTI DENGAN BERTAMBAHNYA BILANGAN PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM TEMPON TUJUH BULAN PERTAMA TAHUN INI.

KATANYA, BERBANDING DENGAN TEMPON YANG SAMA TAHUN LALU, PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN MENINGKAT DARIPADA 162 KEPADA 195 DAN PELABURAN BAGI PROJEK-PROJEK TERSEBUT MENINGKAT DARIPADA \$261 JUTA KEPADA \$470 JUTA.

YANG LEBIH MENGGALAKKAN IALAH PELABURAN BAGI PERLUASAN DAN PEMECAHAN PROJEK-PROJEK YANG ADA SEKARANG BERTAMBAH SEBANYAK 190 PERATUS DARIPADA \$49.6 JUTA KEPADA \$145.8 JUTA.

CADANGAN PELABURAN MODAL ASING DALAM SYARIKAT-SYARIKAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TEMPON ITU JUGA MENUNJUKKAN PENINGKATAN DARIPADA \$39 JUTA KEPADA \$87 JUTA.

DARI SEGI BILANGAN, PROJEK-PROJEK MILIK ASING DAN USAHASAMA ASING MENINGKAT DARIPADA 20 DALAM TAHUN 1977 KEPADA 41 TAHUN INI, SEMENTARA PROJEK-PROJEK MILIK ASING YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT PULA MENINGKAT DARIPADA SATU DALAM TAHUN 1977 KEPADA 13 TAHUN INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA PELABURAN OLEH PELABUR-PELABUR DALAM NEGERI DALAM SEKTOR PEKILANGAN ADALAH RENDAH, TETAPI KATANYA, INI ADALAH KERANA MEREKA TELAH MEMECAHKAN PELABURAN MEREKA ATAU PUN MENUNGGU PELUANG UNTUK MENYERTA BERSAMA PELABUR-PELABUR ASING. — BERNAMA 2030/1B

ICA 3 KUALA LUMPUR 2'2'2 (SAMBUNGAN BERITA B650)

KATANYA, PERUSAHAAN PEKILANGAN BOLEH DIKATAKAN BARU KEPADA PELABUR-PELABUR DALAM NEGERI YANG BIASANYA HANYA TERTUMPU KEPADA SEKTOR-SEKTOR PERDAGANGAN, PEMBINAAN, PERLADANGAN DAN PERLOMBONGAN.

SEBELUM INI PARA PELABUR DALAM NEGERI MENUMPUKAN TERHADAP PERUSAHAAN-PERUSAHAAN UNTUK PEMASARAN DALAM NEGERI TETAPI DENGAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN YANG RASAT, MEREKA SEKARANG TERPAKSA Mencari PELUANG-PELUANG USAHASAMA DENGAN KEPAKARAN TEKNIK DAN HUBUNGAN-HUBUNGAN EKSPORT.

SETENGAH DARIPADA MEREKA YANG LEBIH CERGUS JUGA MxMASUKI LAIN -LAIN SEKTOR SEPerti PEMBINAAN DAN PERUMAHAN.

BELIAU BERKATA, SEMENTARA PROJEK-PROJEK MILIK MALAYSIA YANG TELAH DILULUSKAN MEROSOT DARIPADA 91 KEPADA 83, BILANGAN USAHASAMA MENINGKAT DARIPADA 70 KEPADA 99.

DEMIKIAN JUGA, SEMENTARA PELABURAN MODAL DALAM PROJEK-PROJEK MILIK MALAYSIA MEROSOT DARIPADA \$55 JUTA KEPADA \$8 JUTA, PELABURAN MALAYSIA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA MENINGKAT DARIPADA \$35.6 JUTA KEPADA \$86.1 JUTA (MENINGKAT 140 PERATUS).

— BERSAMBUNG 2045/1B

ICA 4 KUALA LUMPUR 2'2'2

MENGENAI UNIT HARU ITU YANG AKAN DIKETUAI OLEH KETUA PENGARAH FIDA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN TERTUBUHNya UNIT ITU, PARA PELABUR TIDAK PERLU LAGI MEMBUAT URUSAN DENGAN BERBAGAI-BAGAI AGENSI KERAJAAN UNTUK MENUBUHKAN PERUSAHAAN MEREKA.

IA AKAN DILENGKAPKAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DARI PERBENDAHARAAN, JABATAN KASTAM DAN EKSAIS, JABATAN IMIGRESEN, KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

KATANYA, PEGAWAI-PEGAWAI TERSEBUT DIBERI KUASA UNTUK MEMBERIKAN NASIHAT, PANDUAN DAN PENJELASAN MENGENAI DASAR-DASAR DAN PERATURAN DAN MENERIMA PERMOHONAN-PERMOHONAN UNTUK DILULUSKAN.

MEREKA AKAN MENDENGAR MASALAH-MASALAH YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARA PELABUR DAN AKAN MENGEMUKAKANNYA KEPADA KEMENTERIAN ATAU JABATAN MAsING-MAsING UNTUK PENYELESAIAN.

MEREKA AKAN JUGA AKAN BEKERJASAMA DENGAN FIDA, KEMENTERIAN -KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN BERKENAAN BAGI MENYELARASKAN MEMBUAT KEPUTUSAN.

KATANYA, PENUBUHAN UNIT ITU ADALAH MERUPAKAN PERINGKAT PERTAMA DALAM USAHA MENJADIKAN FIDA SEBUAH AGENSI YANG MELIPUTI SEGALANYA UNTUK PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN. — BERSAMBUNG

2050/1B

ICA 5 KUALA LUMPIUR 2'2'2

PERINGKAT KEDUANYA IALAH MENGADAKAN SATU SISTEM MELULUSKAN SECARA SERENTAK SEGALA PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN PROJEK-PROJEK PEKILANGAN.

BELIAU BERKATA, DALAM KONTEKS INI, SYOR-SYOR SEDANG DIBERESKAN UNTUK DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PERATURAN -PERATURAN PELABURAN YANG AKAN DISELARASKAN DENGAN TUJUAN MEMBERIKAN KELULUSAN SERENTAK KEPADA PELABUR-PELABUR.

DIBAWAH CADANGAN INI, PARA PELABUR AKAN DIBERI BANTUAN MEMBUAT PERMOHONAN SECARA SERENTAK BAGI SEMUA PERKARA YANG PERLU UNTUK MENUBUHKAN PERUSAHAAN SEPerti LESEN PEKILANGAN, GALAKAN, PENGE-CUALIAN CUKAI KEATAS KILAJG, JENTERA, BAHAN MENTAH DAN ALAT-ALAT KOMPONEN, PERLINDUNGAN TARIF, JAWATAN EKSPATRIAT DAN PER-JANJIAN TEKNIK SERTA LAIN-LAINNYA.

BELIAU BERKATA, DENGAN TERTUBUHNya UNIT ITU SERTA PELAK-SANAAN SISTEM TERSEBUT, BELIAU BERHARAP SETIA PELABUR YANG MASUK PINTU FIDA AKAN MELABUR DI NEGARA INI. — BERNAMA 2108/1B